

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN ABDULLAH (PETALING
JAYA)**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes-kes kematian terkini dalam tahanan di lokap polis, penjara dan pusat tahanan imigresen dan apakah usaha untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik terkini kematian orang tahanan dalam lokap Polis Diraja Malaysia (PDRM), penjara dan depot tahanan Imigresen bermula dari 1 Januari 2020 hingga 30 September 2020 adalah seramai 335 tahanan yang mana pecahannya adalah 9 tahanan lokap PDRM, 296 tahanan penjara dan 30 tahanan di depot Imigresen.

Antara langkah-langkah yang diambil pihak PDRM untuk meminimalkan kes-kes kematian dalam lokap khususnya yang disabitkan oleh penyakit adalah dengan menyediakan SOP yang lebih ketat termasuk dalam menguruskan tahanan sakit, rondaan yang lebih kerap di sel pada waktu malam, penyediaan bilik rawatan dan pembantu perubatan serta penambahan kakitangan yang menguruskan tahanan.

SOALAN NO : 42

Keselamatan banduan juga sememangnya merupakan antara tanggungjawab utama Jabatan Penjara Malaysia. Oleh itu langkah-langkah kawalan, pemeriksaan, pengasingan penempatan, ujian psikologi, risikan maklumat, pemantauan rapi serta kemudahan kesihatan sentiasa dilakukan untuk mengelakkan keselamatan seseorang banduan terancam. Malah Jabatan Penjara mempunyai standard prosedur kerja atau perintah tetap Komisioner Jeneral Penjara bagi tujuan pengurusan semua aspek banduan termasuklah keselamatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) juga sentiasa menitikberatkan hal ehwal kebajikan tahanan di Depot Tahanan Imigresen dengan menyediakan penjagaan khas serta perlindungan terhadap mereka semasa dalam tahanan. Prosedur pengurusan tahanan yang berada dalam Depot Tahanan Imigresen adalah berpandukan Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Mengenai Prosedur Pentadbiran dan Pengurusan Depot Imigresen.

Sebagai langkah bagi memastikan tahap kesihatan yang baik di kalangan tahanan, pihak JIM telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menempatkan 14 orang Penolong Pegawai Perubatan di Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara bagi memberikan rawatan awal kepada tahanan. Klinik kesihatan yang berhampiran telah dikenalpasti dan dipilih oleh KKM bagi memperkukuh perkhidmatan kesihatan di Depot Tahanan Imigresen serta berperanan sebagai pusat rujukan oleh Penolong Pegawai Perubatan yang dilantik dan sebagai pembekal keperluan perubatan ke depot-depot.

Pemantauan kesihatan secara berkala turut dilakukan oleh KKM ke Depot Tahanan Imigresen dari semasa ke semasa. Selain itu, JIM turut melaksanakan tindakan pencegahan pencegahan dan aktiviti kawalan untuk memastikan kesejahteraan tahanan di Depot Tahanan Imigresen.